

**PENGARUH PROGRAM TAHSIN AL-QURAN TERHADAP PRESTASI
KERJA IMAM KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

MEJAR MOHD NA'IM BIN HAJI AHMAD AL-HAFIZ

**IJAZAH SARJANA
PENGURUSAN SUMBER
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

2022

**PENGARUH PROGRAM TAHSIN AL-QURAN TERHADAP PRESTASI
KERJA IMAM KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA**

MEJAR MOHD NA'IM BIN HAJI AHMAD AL-HAFIZ

Tesis ini diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, bagi Memenuhi Syarat
Penganugerahan Sarjana (Pengurusan Sumber)

2022

ABSTRAK

Bagi warga KAGAT, ILMI berperanan sebagai pusat pembangunan dan pementapan para 'daie askari' dan Imam yang berkualiti. ILMI mempunyai tugas yang berat bagi menjayakan harapan ATM dan KAGAT sendiri. Terdapat permasalahan yang dikenal pasti iaitu kelemahan prestasi kerja Imam KAGAT dan kurang kajian berkaitan pengaruh PTA yang menyentuh faktor kandungan modul, peranan jurulatih dan sokongan pengurusan atasan. Kajian ini juga turut menganalisis faktor kandungan modul, peranan jurulatih dan sokongan pengurusan atasan terhadap PTA yang mempengaruhi prestasi kerja Imam. Objektif kajian ini bertujuan menganalisis pengaruh Program Tahsin Al-Quran (PTA) terhadap prestasi kerja Imam Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) di Institut Latihan dan Kefahaman Islam (ILMI). Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian bagi menghuraikan pengaruh PTA terhadap prestasi kerja. Sampel kajian adalah terdiri daripada 280 orang Imam dalam kalangan LLP KAGAT daripada jumlah populasi seramai 846 orang Imam yang berkhidmat dalam tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia. Analisis kajian dilakukan dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science* (SPSS) versi 27.0 bagi data kuantitatif yang telah diperolehi secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian secara deskriptif menunjukkan nilai min adalah tinggi bagi keseluruhan faktor dalam PTA. Melalui ujian *korelasi pearson* menunjukkan terdapat hubungan korelasi yang positif diantara kandungan modul, peranan jurulatih dan sokongan pengurusan atasan dengan terhadap PTA yang mempengaruhi prestasi kerja Imam. Implikasi kajian ini mencadangkan supaya pihak KAGAT dan ILMI agar memberi perhatian yang besar terhadap semua faktor tersebut untuk membantu para Imam meningkatkan prestasi kerja mereka. Kesimpulannya, kandungan modul, peranan jurulatih dan sokongan pengurusan atasan terhadap PTA telah memberi kesan kepada prestasi kerja secara keseluruhannya dan perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa sesuai dengan keperluan dan perkembangan semasa program latihan masa kini.

Kata kunci: kandungan modul, peranan jurulatih, sokongan pengurusan atasan, Program Tahsin Al-Quran, ILMI, KAGAT

ABSTRACT

For KAGAT, ILMI serves as a center for the development and consolidation of quality 'daie askari' and Imams. ILMI has a heavy task to fulfill the hopes of MAF and KAGAT itself. There are problems that have been identified, the weakness of Imam KAGAT's work performance and lack of research related to the influence of PTA that touches on the factors of module content, the role of coaches and top management support. The study also analyzed the module content factors, the role of coaches and top management support to the PTA that influence the work performance of Imams. The objective of this study is to analyze the influence of Tahsin Al-Quran Program (PTA) on the work performance of Imam Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) at the Institute of Training and Islamic Understanding (ILMI). The study uses a quantitative research method by using a questionnaire as a research instrument to analyse the influence of PTA on job performance. The study sample consisted of 280 Imams among LLP KAGAT from a total population of 846 Imams who served in three services, namely the Malaysian Army, the Royal Malaysian Navy and the Royal Malaysian Air Force. The analysis of the study was done by using Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 27.0 for quantitative data that have been obtained on descriptively and inferentially. The findings of the descriptive study showed that the mean value was high for all factors in the PTA. Through the pearson correlation test showed that there is a positive correlation between the module content, the role of the coach and the support of top management with the PTA that affects the work performance of Imam. The implications of this study suggest that KAGAT and ILMI should pay great attention to all these factors to help the Imams improve their work performance. In conclusion, the module content, the role of coaches and top management support towards the PTA have affected the overall work performance and need to be improved from time to time in accordance with the needs and developments during the current training program.

Keywords: module content, role of coaches and top management support, Tahsin Al-Quran Program, ILMI, KAGAT

PENGHARGAAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, atas nikmatnya yang tiada terkira, selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarganya dan para sahabatnya, juga kepada seluruh yang menuruti perjuangannya kerana Allah.

Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah kerana dengan keizinan dan bantuan-Nya dapat saya menyiapkan projek ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Sarjana (Pengurusan Sumber). Di kesempatan ini, saya ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kol Dr Hj. Zahimi bin Hj. Zainal Abidin selaku penyelia utama dan Lt Kol Prof Madya Dr. Ustaz Hj. Daud bin Hj. Mohamed Salleh (Bersara) sebagai penyelia bersama di atas kesudian memberi tunjuk ajar, nasihat, bimbingan, berkongsi ilmu, kemahiran dan pengalaman serta menyumbang masa dan tenaga yang sehingga terhasilnya tesis ini dengan jayanya.

Begitu juga, ucapan terima kasih kepada Kor Agama Angkatan Tentera. Penghargaan juga saya ingin rakamkan buat pegawai-pegawai KAGAT bagi pengambilan 2010 yang banyak menyokong dan membantu saya. Saya juga sentiasa berdoa, semoga keakraban dan silaturrahim yang terjalin dapat dikekalkan. Tidak lupa juga kepada Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI), Sirusa, Port Dickson, Negeri Sembilan yang membantu saya menjalankan penyelidikan ini.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MEJAR MOHD NA'IM BIN HAJI AHMAD AL-HAFIZ
SEKRETARIAT MARKAS TENTERA DARAT
SEL AGAMA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KUALA LUMPUR**

KELULUSAN

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan telah bersidang pada **13 Oktober 2021** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Mejar Mohd Na'im Bin Haji Ahmad Al-Hafiz** ke atas tesis Ijazah Sarjana bertajuk **Pengaruh Program Tahsin Al-Quran Terhadap Prestasi Kerja Imam Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia**.

Jawatankuasa ini memperakukan bahawa calon layak dianugerahkan Ijazah Sarjana (Pengurusan Sumber).

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan adalah seperti berikut.

Leftenan Kolonel Prof. Madya Ariffin bin Ismail (Bersara)

Dekan

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

(Pengerusi)

Dr. Rogis bin Baker

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Dr. Zulkiflee Bin Daud

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengurusan Perniagaan

Universiti Utara Malaysia

(Pemeriksa Luar)

KELULUSAN

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah memenuhi piawaian bagi tujuan penganugerahan **Ijazah Sarjana (Pengurusan Sumber)**. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut.

Kolonel Dr. Haji Zahimi bin Zainol Abidin

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

(Penyelia Utama)

**Leftenan Kolonel Prof. Madya Dr. (Ustaz) Haji Daud bin Haji Mohamed Salleh
(Bersara)**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

(Penyelia Bersama)

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

DECLARATION OF THESIS

Nama Penuh Pengkaji : Mejar Mohd Na'im Bin Haji Ahmad

Tarikh Lahir : 12 Mac 1983

Tajuk : Pengaruh Program Tahsin al-Quran Terhadap Prestasi Kerja Imam Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia

Sesi Akademik : 2019/2021

Saya mengaku bahawa tesis ini diklasifikasikan sebagai:

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang dispesifikasikan oleh organisasi kajian)*
- TERBUKA** Bersetuju bahawa tesis ini keseluruhannya diterbitkan secara terbuka dan atas talian.

Saya mengetahui bahawa pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak-hak seperti berikut.

1. Tesis ini merupakan hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia berhak untuk membuat salinan untuk tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan berhak untuk membuat salinan tesis ini untuk tujuan perkongsian akademik.

(TANDATANGAN)

T3013221

(NO. KAD PENGENALAN)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Kol Dr Hj Zahimi bin Hj Zainal
Abidin

(NAMA PENYELIA)

Tarikh:

Tarikh:

Nota: Sekiranya tesis ini diklasifikasikan sebagai SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada organisasi kajian menyatakan tempoh masa dan sebab diklasifikasikan sebagai sulit dan terhad.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KELULUSAN	v
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Takrifan Operasional	11
1.6.1 Kandungan Modul	11
1.6.2 Peranan Jurulatih	12
1.6.3 Sokongan Pengurusan Atasan	12
1.6.4 Prestasi Kerja	12
1.7 Kepentingan Penyelidikan	12
1.7.1 Kepentingan Kepada Teori	13
1.7.2 Kepentingan Kepada Kaedah Penyelidikan	13
1.7.3 Kepentingan Kepada Organisasi	14
1.8 Kesimpulan Bab	14
2 KAJIAN LITERATUR	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Takrif Konseptual Istilah	16
2.2.1 Pengaruh Program Tahsin Al-Quran	16
2.2.1.1 Kandungan Modul	18
2.2.1.2 Peranan Jurulatih	19
2.2.1.3 Sokongan Pengurusan Atasan	21
2.2.2 Prestasi Kerja Imam	23
2.2.3 Institut Latihan Dan Kefahaman Islam Angkatan Tentera Malaysia (ILMI)	26
2.3 Hubungan Antara Program Tahsin Al-Quran (PTA) dengan Prestasi Kerja	27
2.3.1 Bukti Empirikal yang Menyokong Hubungan antara Program <i>Tahsin al-Quran</i> terhadap Prestasi Kerja	31
2.3.1.1 Hubungan antara Kandungan Modul dengan Prestasi Kerja	31
2.3.1.2 Hubungan antara Peranan Jurulatih dengan Prestasi Kerja	33

2.3.2	Kajian-kajian lepas mengenai pengaruh program latihan telah membuktikan bahawa faktor peranan jurulatih telah menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja.	36
2.3.2.1	Hubungan antara Sokongan Pengurusan Atasan dengan Prestasi Kerja	36
2.4	Kerangka Konseptual	38
2.5	Hipotesis Kajian	39
2.6	Kesimpulan Bab	39
3	METODOLOGI KAJIAN	40
3.1	Pendahuluan	40
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	42
3.4	Pensampelan Kajian	43
3.5	Instrumen Kajian	46
3.6	Kajian Rintis	47
3.6.1	Ujian Kesahan (<i>Validity</i>)	48
3.6.2	Ujian Kebolehpercayaan (<i>Reliability</i>)	48
3.7	Kaedah Penganalisan	49
3.7.1	Analisis Diskriptif	49
3.7.2	Ujian Korelasi Pearson	50
3.8	Etika Kajian	52
3.9	Kesimpulan Bab	52
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	54
4.1	Pendahuluan	54
4.2	Profil Demografi Kajian	55
4.2.1	Umur	56
4.2.2	Status Perkahwinan	57
4.2.3	Tempoh Perkhidmatan	58
4.2.4	Status Pangkat	59
4.2.5	Berkhidmat	60
4.2.6	Tahap Pendidikan	61
4.3	Penganalisa Data	62
4.3.1	Keputusan Penganalisa Data	62
4.3.2	Deskriptif Analisis	63
4.3.3	Hubungan Antara Kandungan Modul (X_1), Peranan Jurulatih (X_2), Sokongan Pengurusan Atasan (X_3) Dengan Pemantapan Prestasi Kerja Imam (Y)	64
4.3.3.1	Hubungan antara Peranan Jurulatih (X_2) dengan Pemantapan Prestasi Kerja Imam (Y)	65
4.3.3.2	Hubungan antara Sokongan Pengurusan Atasan (X_3) dengan Pemantapan Prestasi Kerja Imam (Y)	
4.3.3.3	Hubungan antara Kandungan Modul (X_1) dengan Pemantapan Prestasi Kerja Imam (Y)	66
4.4	Kesimpulan Bab	67

5	KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	69
5.1	Pendahuluan	69
5.2	Ringkasan Keseluruhan Penyelidikan	69
5.3	Kesimpulan Penyelidikan	71
5.4	Kesan-Kesan Penyelidikan	73
5.4.1	Kesan Terhadap Teori	73
5.4.2	Kesan Terhadap Pengukuhan Kaedah Penyelidikan	73
5.4.3	Kesan Terhadap Pengamal	74
5.5	Batasan Penyelidikan	75
5.6	Syor Penyelidikan Akan Datang	76
5.7	Kesimpulan Bab	77
	RUJUKAN	78
	LAMPIRAN	98
A.	Surat Permohonan Menjalankan Kajian	98
B.	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian	104
C.	Borang Soal Selidik Kajian Rintis	107
D.	Borang Soal Selidik Kajian Sebenar	112
	SENARAI PENERBITAN	118

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
Jadual 1.1	Kandungan Modul Program Tahsin al-Quran	4
Jadual 1.2	Statistik Salah Laku Anggota LLP KAGAT	7
Jadual 1.3	Statistik Kepuasan Pelanggan Program Tahsin al-Quran di ILMI	9
Jadual 3.1	Jadual Pengukuran Saiz Sampel Mengikut Populasi	45
Jadual 3.2	Jadual Skala Likert	46
Jadual 3.3	Ujian Kebolehpercayaan Instrumen	49
Jadual 3.4	Tahap pembolehubah	50
Jadual 3.5	Tafsiran Pekali Korelasi Pearson	51
Jadual 4.1	Profil Demografi Sampel Kajian Sebenar	55
Jadual 4.2	Analisa Kepercayaan	62
Jadual 4.3	Statistik Deskriptif	63
Jadual 4.4	Kolerasi Kandungan Modul (X_1), Peranan Jurulatih (X_2), Sokongan Pengurusan Atasan (X_3) Dengan Pemantapan Prestasi Kerja Imam	64
Jadual 4.5	Ringkasan Keputusan Analisis	68

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual	38
Rajah 4.1	Umur	56
Rajah 4.2	Status Perkahwinan	57
Rajah 4.3	Tempoh Perkhidmatan	58
Rajah 4.4	Status Pangkat	59
Rajah 4.5	Berkhidmat	60
Rajah 4.6	Tahap Pendidikan	61
Rajah 4.7	Hubungan antara Pengaruh PTA terhadap Prestasi Kerja	67

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Prestasi kerja adalah keberhasilan pekerja menghasilkan tugas yang ditetapkan. Prestasi kerja juga dipengaruhi oleh pengetahuan, kefahaman, kemahiran, inovasi serta faham objektif yang ditetapkan oleh organisasi. Namun begitu, golongan pekerja tidak boleh dibenarkan bertindak bersendirian untuk meningkatkan prestasi kerja. Sesebuah organisasi yang berjaya akan sentiasa memberikan sokongan kepada pekerja untuk meningkatkan kemahiran kerja mereka melalui pengembangan latihan yang berterusan. Pekerja yang menunjukkan prestasi kerja layak diberikan ganjaran sebagai motivasi untuk mereka. Pekerja yang bermotivasi dalam pekerjaan akan berusaha membalas balik sokongan dan ganjaran yang diberi dengan hasil kerja yang berkualiti (Siti Nur Zahirah, 2017).

Pihak pengurusan dalam sesebuah organisasi bertanggungjawab memastikan aktiviti dan produktiviti pekerja selari dengan matlamat organisasi (Neol, 2009 dalam Norsyamimi & Mohammad Mujaheed, 2019). Dalam sektor awam, termasuk tugas menguruskan masjid dan surau, kerajaan telah memperkenalkan budaya kerja berasaskan prestasi dengan menggunakan petunjuk-petunjuk prestasi utama atau *Key Performance Indicators* (KPI) bagi meningkatkan prestasi kerja dalam semua perkhidmatan (Norsyamimi & Mohammad Mujaheed, 2019).

Sejajar dengan visi, misi dan fungsi agensi, setiap organisasi termasuk pihak pengurusan masjid dan surau perlu mengukur prestasi perkhidmatan yang diberikan bagi memastikan semua perkhidmatan dapat disampaikan kepada pelanggan dengan berkesan. Ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai prestasi organisasi secara keseluruhannya (Dalila, Ruslin & Salleh, 2021).

Justeru, menjadi keutamaan kepada setiap organisasi termasuk Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) untuk memberi penekanan kepada program latihan bagi meningkatkan prestasi pekerja Imam. Program latihan bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja malah berupaya membantu pekerja meningkatkan prestasi kerja mereka. Selain itu, program latihan amat berkesan untuk pengembangan sikap, cara bekerja, tingkah laku, pengetahuan dan keterampilan serta moral pekerja sehingga menciptakan prestasi kerja yang baik dan mendapat hasil yang optimum (Widyawaty, 2015).

Menurut Norita, Mohamad Bazli, Natrah dan Ling (2021) objektif utama PTA adalah bertujuan untuk keberkesanan penguasaan bacaan al-Quran pelajar menerusi Tahsin al-Quran di samping meningkatkan kemahiran dan prestasi para Imam ketika Melaksanakan Tugas Hakiki Mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada abad ini manusia dan organisasi sering bersaing untuk menjadi yang terbaik. Persaingan masa kini tertumpu kepada kualiti perkhidmatan yang disediakan serta prestasi para pekerja bagi membantu organisasi agar sentiasa berdaya saing. Menurut Kamaruzzaman dan Che Mahzan (2017) setiap organisasi yang berdaya maju

akan memperuntukan kewangan yang banyak hanya sekadar meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja agar mereka dapat menzahirkan *output* dalam bentuk prestasi kerja.

Program latihan sentiasa menjadi keutamaan bagi semua warga Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) untuk penambahan ilmu dan kecekapan termasuk para Imam. Ilmu yang mantap dan kecekapan yang dipertingkatkan akan membantu para Imam melaksanakan tugas dengan berkesan. Peningkatan prestasi kerja Imam akan membantu peningkatan jamaah solat dan meningkatkan imej masjid dan surau Angkatan Tentera Malaysia (Daud, 2017).

Menurut Muhammad Talhah dan Fitry (2019) bahawa masjid bukan sahaja tempat ibadah malah berperanan sebagai pusat pembentukan manusia yang bertunjangkan akidah pembinaan nilai-nilai hidup yang mulia. Justeru, peranan masjid adalah penting dalam membimbing manusia menjadi insan cemerlang dan bertaqwa. Rasulullah SAW telah membuktikan bahawa masjid memainkan peranan utama dalam pembangunan insan dengan langkah membina masjid sebaik sahaja sampai di Madinah dalam peristiwa hijrah (Roslan, 2004 dalam Muhammad Talhah dan Fitry 2019).

Populasi warga Lain-lain Pangkat (LLP) KAGAT yang sedang berkhidmat seramai 846 orang (Pusat Sumber Manusia KAGAT pada tahun 2018). KAGAT telah mewajibkan semua LLP mereka mengikuti Program Tahsin al-Quran (PTA) bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan prestasi kerja mereka sebagai Imam masjid dan surau ATM (Etika dan Prosedur Pelaksanaan Tugas KAGAT, 1997).

Memandangkan kepentingan program latihan terhadap Imam, Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) telah diberi peranan untuk melaksanakan berbagai program kemahiran dan peningkatan kerjaya warga LLP KAGAT termasuk PTA. Rashidi dan Azmil (2015) menyatakan bahawa ILMI mempunyai dwifungsi iaitu sebagai pusat latihan Islam dan keagamaan bagi anggota ATM dan dalam masa yang sama merupakan pusat latihan kerjaya kepada anggota KAGAT termasuk pembangunan kerja dan peningkatan kemahiran Imam seperti di Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Kandungan Modul Program Tahsin al-Quran

PROGRAM TAHSIN AL-QURAN DI INSTITUT LATIHAN DAN KEFFAHAMAN ISLAM (ILMI)	
BIL	KANDUNGAN MODUL
1.	Memahami Pengertian Ilmu Tajwid
2.	Mempraktikkan Pembahagian Nun Mati dan Tanwin
3.	Memahami Perbezaan Nun dan Mim Mati Serta Sabdu.
4.	Memahami Pembahagian Mad
5.	Mempraktikkan Sifat dan Makhraj Huruf
6.	Mempraktikkan Waqaf, Ibtida' dan Saktah Serta Membaca al Quran Secara Tartil
7.	Memahami Tatacara Menghakimi Tilawah Al- Quran
8.	Memahami Bahagian Penghakiman Dalam Tilawah Al- Quran
9.	Memahami Pengenalan Ilmu Qiraat
10.	Memahami Sejarah Imam- Imam Qiraat

Menurut Norhisham, Azmil, Wahyu Hidayat, Muhammad Akramin, dan Fatin Ardani (2019) menyatakan pelaksanaan PTA adalah program yang direka bentuk bertujuan meningkatkan kemahiran Imam dalam pembacaan al-Quran secara berdepan antara pembimbing dan pelatih. Ia mempunyai dua objektif iaitu untuk meningkatkan kemahiran penguasaan dan kemahiran pelajar dalam pembacaan al-Quran.

Matlamat program latihan yang dilaksanakan di tempat kerja bertujuan untuk meningkatkan prestasi kerja dan kekuatan sumber manusia pekerja setelah tamat program tersebut (Mohd Safix, Rosniza Aznie, Muhammad Daud, Rogis & Mohd Sani, 2021).

Penguasaan ilmu bagi seseorang Imam perlu meluas untuk membantu mereka melaksanakan kerja dengan cemerlang. Penguasaan ilmu yang mantap akan membantu para Imam meningkatkan prestasi mereka dan sekaligus mampu melaksanakan tugas dengan lebih cekap. Secara tidak langsung mereka mampu menarik minat masyarakat Islam untuk merapatkan diri dengan masjid dan surau (Ikmal Zaidi & Mohd Khairul 2017).

Menurut Ikmal Zaidi dan Mohd Khairul (2017) lagi, prestasi kerja para Imam memimpin jamaah solat, keilmuan yang mantap dan bacaan al-Quran yang menarik adalah daya penarik kepada kejayaan kepimpinan masjid dan surau. Bilangan jamaah, kekhusyukan dan keselesaan jamaah berkait rapat dengan bacaan para imam. Para Imam KAGAT yang telah mengikuti PTA di ILMI mesti terus meningkatkan penguasaan ilmu dan kemahiran khusus bagi mereka memantapkan prestasi kerja (Burhanuddin, 2018).

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengkaji pengaruh PTA sehingga dapat memberi kesan terhadap prestasi kerja Imam KAGAT dalam kalangan LLP di ILMI.

1.3 Permasalahan Kajian

Masyarakat Islam dewasa ini menginginkan institusi keagamaan seperti masjid dan surau memainkan peranan yang lebih sebagai pusat kemasyarakatan bagi umat

Islam. Hal ini memerlukan para Imam mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan diri bagi mendepani tugas dan tanggungjawab yang lebih mencabar dengan menguasai kesepaduan ilmu yang tinggi serta memiliki kemahiran yang tinggi dalam pembacaan al-Quran (Suhaila, Norzalina, Siti Syuhada, Ahmad, Nor Rosmawati & Nazifah, 2015).

Manakala Hailan dan Rofishah (2016) berpendapat mengenai peningkatan tuntutan masyarakat Islam terhadap kepelbagaian peranan Imam. Ia bukan hanya tertumpu kepada tugas mengimamkan solat sahaja malah para Imam perlu memainkan peranan sebagai pemimpin komuniti. Oleh itu, para Imam perlu juga menguasai ilmu kepimpinan dan psikologi agar kehadiran mereka dalam masyarakat Islam lebih dirasai.

Selanjutnya Nur Hidayati dan Zamri (2014) pula meletakkan penguasaan Bahasa Arab sebagai satu keperluan di samping penguasaan ilmu al-Quran. Hasil dapatan dari kajian mereka memperlihatkan kelemahan para Imam memahami dan berkomunikasi dalam Bahasa Arab. Kemahiran dalam bahasa ini akan memberi kelebihan kepada para Imam memperkemaskan bacaan al-Quran mengikut sebutan yang sebenar.

Produktiviti sesebuah organisasi pula bergantung kepada kualiti prestasi kerja memainkan peranan penting dalam memastikan kecemerlangan organisasi. Manakala program latihan mempunyai pengaruh yang berkesan dalam membantu pekerja memiliki kemahiran dan meningkatkan prestasi kerja (Norsyamimi & Mohammad Mujaheed, 2019).

Namun begitu, terdapat keraguan terhadap pengaruh PTA di ILMI di mana terdapat laporan salah laku akhlak dan moral dalam kalangan LLP KAGAT dalam pelbagai kes bermula dari tahun 2013 sehingga 2017 sebagaimana dalam Jadual 1.2. Keadaan ini bukan sahaja mencalarkan imej organisasi KAGAT malah memperlihatkan penurunan prestasi kerja anggota yang pernah turut serta dalam PTA di ILMI.

Jadual 1.2: Statistik Salah Laku Anggota LLP KAGAT

Bil	Jenis Salah Laku	LLP				
		2013	2014	2015	2016	2017
1.	Dadah			2		2
2.	THTC	3	2	3		
3.	Khalwat	1	1		1	1
4.	Air Ketum			1		
JUMLAH		4	3	6	1	3

(Sumber : Unit Anggota, Sel Pembangunan Sumber Manusia KAGAT (2017))

Bagi warga KAGAT, ILMI berperanan sebagai pusat pembangunan dan pementapan para ‘daie askari’ dan Imam yang berkualiti. ILMI mempunyai tugas yang berat bagi menjayakan harapan ATM dan KAGAT sendiri (Burhanuddin, Sayuti, Amnah Saayah & Jessica Ong, 2018).

Banyak kajian telah dilakukan mengenai program pengajian oleh para sarjana. Namun kajian sarjana Islam mengenai PTA dalam ATM begitu kurang. Kebanyakan kajian lepas berkaitan dengan penghayatan agama atau keberkesanan program agama dalam ATM lebih menumpukan kepada peranan subjek pengajian atau pengisian program iaitu menonjolkan peranan bukan manusia dan pengaruhnya terhadap individu dan organisasi (Burhanuddin et al., 2018; Mahussain & Mahani, 2010; Mazli, 2004; Rashidi & Azmil, 2015; Daud, 2017). Banyak penemuan penting telah

diperolehi hasil kajian tersebut namun ia masih tidak mencukupi bagi menerangkan peranan pengisian program untuk mendatangkan kesan ke atas kejayaan PTA.

Menurut Menanti (2020) menyatakan bahawa antara faktor yang dikenal pasti mempengaruhi kejayaan sesuatu program latihan adalah kandungan modul, peranan jurulatih dan sokongan pemimpin atasan terhadap program yang dilaksanakan.

Menurut Mulyani (2017) kandungan kursus merupakan proses penentuan yang dihayati oleh program baharu. Ia bermatlamat untuk memenuhi keperluan pengguna atau pelatih untuk memberikan penjelasan yang lebih tepat melalui perancangan kursus yang disusun.

Jurulatih mempunyai pengaruh yang besar terhadap kejayaan sesuatu program. Kefungsian jurulatih terhadap bidang yang diamanahkan kepadanya membantu organisasi melahirkan pekerja yang berprestasi tinggi dan berkemahiran. Kegagalan jurulatih memainkan peranan yang selayaknya agar mengagalkan semua perancangan program walaupun ia dibentuk dan disusun dengan rapi (Mohd Nahi, 2018).

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan dalam membuktikan wujudnya kelemahan penuntut yang mengambil mata pelajaran keagamaan termasuk al-Quran berpunca daripada kandungan modul yang kurang berkesan, jurulatih yang tidak memainkan peranan yang selayaknya serta kurang sokongan pengurusan atasan terhadap pelatih dalam sesuatu program. Hal tersebut telah dibuktikan hasil dapatan daripada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Mohamad Anas, Wan Abdul Rahman, Muhammad Talhah dan Aminuddin (2019).

Selanjutnya, sokongan pengurusan atasan merupakan tanggapan pekerja mengenai sokongan yang mereka terima sepanjang berkursus dari pihak atasan dalam organisasi. Sokongan yang dizahirkan memberi isyarat jelas bahawa pekerja diberi perhatian yang serius oleh organisasi (Thuaibah, Siti Aisyah, Azlah, Maisarah, Nor Shela & Sakinah, 2020)

Bahagian Latihan ILMI telah melakukan kajian kepuasan pelanggan bermula tahun 2016 sehingga 2020 dalam kalangan pelatih PTA terhadap kandungan modul, peranan jurulatih, sokongan pengurusan atasan dan kemudahan seperti di jadual 1.3 didapati faktor kemudahan telah menunjukkan skor yang tinggi berbanding faktor-faktor yang lain. Ini menunjukkan bahawa melalui skor tersebut fakto-faktor yang tersebut perlu di nilai dari sudut positif dan negatif kepada organisasi khususnya KAGAT dan ATM amnya. Dapatan skor kepuasan ini agak konsisten dan ia memerlukan satu kajian empirikal bagi menilai keberkesanan PTA di ILMI.

Jadual 1.3: Statistik Kepuasan Pelanggan Program Tahsin al-Quran di ILMI

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020
JUMLAH PESERTA	250	250	250	50	40
KONSTRUK					
Peranan Jurulatih	23.8	24.9	21.5	23.4	24.8
Kandungan Program	20.8	23.7	22.9	21.6	25.0
Pengurusan Pihak Atasan	16.9	19.1	20.9	23.3	22.3
Kemudahan	38.5	32.3	34.7	31.7	27.9
Jumlah	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

(Sumber: Bahagian Latihan ILMI 2020)

Sejak ILMI ditubuh pada 29 Julai 2003, banyak program latihan keagamaan telah dibangunkan termasuk PLKI bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran warga KAGAT khususnya dan warga ATM amnya (Burhanuddin, 2018). Setelah 18 tahun berlalu sejak penubuhan ILMI sehingga sekarang namun dalam

tempoh tersebut pengkaji mendapati kurang kajian mengenai pengaruh faktor kandungan modul, peranan jurulatih dan sokongan pengurusan atasan terhadap PTA di ILMI memberi kesan kepada prestasi kerja. Terdapat kajian yang dijalankan oleh Amirrul Haffis, Zahimi, Daud dan Ridwan (2021) berkaitan prestasi kerja Imam dalam ATM tetapi menyentuh pengaruh faktor kepuasan kerja, kaedah latihan dan motivasi dalam Program Latihan Kursus Imam terhadap prestasi kerja di ILMI.

Justeru, dengan mengambil maklum mengenai kajian lalu berkaitan pengaruh program pembelajaran dalam ATM mahupun di luar ATM, penyelidik melihat kelompongan yang boleh diisi dalam elemen kajian. Ini memberi rangsangan kepada penyelidik untuk mengisi kekosongan yang masih wujud dalam kajian literatur pengaruh sesuatu program pembelajaran dalam ATM dengan mengadaptasikan dalam kajian pengkaji melalui keberkesanan PTA bagi memantapkan lagi kerja Imam.

1.4 Objektif Kajian

Sesebuah kajian tidak mungkin lengkap tanpa objektif yang nyata dan khusus. Kajian ini mempunyai tiga objektif yang telah dibina dan ingin dicapai di dalam penyelidikan ini.

- 1.4.1 Mengetahui pengaruh hubungan kandungan modul PTA terhadap prestasi kerja Imam KAGAT.
- 1.4.2 Mengetahui pengaruh hubungan peranan jurulatih PTA terhadap prestasi kerja Imam KAGAT.
- 1.4.3 Mengetahui pengaruh hubungan sokongan pengurusan atasan PTA terhadap prestasi kerja Imam KAGAT.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian lepas yang dinyatakan sebagaimana sebelumnya mendorong pengkaji membina persoalan dalam kajian iaitu:

- 1.5.1 Adakah terdapat pengaruh hubungan yang signifikan antara kandungan modul dalam PTA dengan prestasi kerja Imam KAGAT?
- 1.5.2 Adakah terdapat pengaruh hubungan yang signifikan antara peranan jurulatih PTA dengan prestasi kerja Imam KAGAT?
- 1.5.3 Adakah terdapat pengaruh hubungan yang signifikan antara sokongan pengurusan atasan terhadap pelatih PTA kepada prestasi kerja Imam KAGAT?

1.6 Takrifan Operasional

Takrifan atau pengertian mudah secara operasional akan diberikan kepada semua pemboleh ubah yang terlibat dalam penyelidikan ini. Ia dibangunkan mengikut item-item yang terkandung dalam soal selidik penyelidikan. Di dalam bab seterusnya, takrifan operasional ini akan dikembangkan dengan lebih mendalam bagi setiap pemboleh ubah.

1.6.1 Kandungan Modul

Dalam kajian ini, kandungan modul merujuk Program Tahsin al-Quran yang direka bentuk oleh Bantuan Latihan ILMI.

1.6.2 Peranan Jurulatih

Melalui aspek operasi ketenteraan, perkataan jurulatih adalah panggilan tetap kepada tenaga pengajar di Pusat-Pusat Latihan ATM termasuk di ILMI. Ia begitu sinonim dengan kerjaya ketenteraan melalui latihan dan pengajaran. Bagi KAGAT sendiri, ia masih menggunakan panggilan jurulatih. Ia merujuk kepada pegawai dan Pembantu Agama Kanan KAGAT (PEMAK) yang diberi peranan bagi melatih penutut program di ILMI. (Amirul 2021)

1.6.3 Sokongan Pengurusan Atasan

Sokongan pengurusan atasan merujuk sebagai sokongan yang diberikan oleh penyelia dan pegawai atasan terhadap PTA di ILMI.

1.6.4 Prestasi Kerja

Prestasi kerja adalah tindakan yang menyumbang kepada perubahan tingkah laku yang bersesuaian dengan objektif organisasi. Pekerja adalah aset organisasi bagi menggapai matlamat yang ditetapkan. Dari sudut pengoperasian, prestasi kerja merujuk kepada prestasi kerja LLP KAGAT yang menjalankan tugas sebagai Imam di masjid dan surau ATM. (Muna & Atasya, 2020)

1.7 Kepentingan Penyelidikan

Penyelidikan yang dijalankan mampu menghadirkan tiga kepentingan iaitu kepentingan terhadap teori, kaedah penyelidikan dan organisasi.